

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

STU451 - Perundangan Sosial

Masa: (2 1/2 jam)

---

Jawab **TIGA** soalan sahaja dari soalan-soalan yang berikut:

1. Setakat manakah poligami diakui sah oleh undang-undang di Malaysia? Bincang bagaimana penghapusan atau pengawalan poligami membantu untuk meninggikan kedudukan wanita dalam negara kita.  
[100 markah]
  
2. Apakah hal-hal yang membolehkan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960? Sejauh manakah peruntukan-peruntukan di dalam Akta ini memberi perlindungan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa-kuasa ini oleh pihak Eksekutif?  
[100 markah]
  
3. 'Perangkaan menunjukkan bahawa hampir-hampir 50% daripada bilangan penduduk di dalam negara ini adalah wanita. Namun demikian wanita masih tidak dapat mencapai kedudukan yang setaraf dengan lelaki'. Bincangkan.  
[100 markah]
  
4. Apakah penilaian anda terhadap undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan orang muda? Seandainya anda dipertanggungjawabkan untuk menyemak undang-undang tersebut apakah pindaan-pindaan yang anda akan cadangkan dan bincangkan kerasionallannya?  
[100 markah]

...2/-

5. 'Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim, maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan lain, dua, tiga atau empat. Jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil di antara isteri-isteri kamu maka berkahwinlah dengan seorang sahaja. Yang demikian itu adalah lebih dekat untuk mencegah supaya kamu tidak melakukan kezaliman'. (Surah An-Nisaa (4) : 3). Apakah peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 1985 yang menjamin kewajipan berlaku adil di surah yang tersebut di atas? Adakah anda bersetuju dengan peruntukan-peruntukan tersebut? Bincangkan.

[100 markah]

6. Apakah fungsi undang-undang dalam masyarakat? Sejauh manakah undang-undang digunakan di Malaysia untuk tujuan mendatangkan perkembangan sosial?

[100 markah]